

# Memartabatkan Roh PdPc Abad ke-21



**7 Februari 2017** – Memartabatkan Roh PdPc Abad ke 21, begitulah tema Perhimpunan Bulanan JPWPL bagi bulan Februari 2017. Tema ini diilhamkan dan telah diumumkan sendiri oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin bin Saidin.

Beliau berkata, betapa pentingnya keberhasilan pendidikan yang diterjemahkan dengan pembangunan insan yang berkualiti merupakan sandaran negara ke arah negara maju.

*Amanah ini merupakan tanggungjawab besar yang perlu dihayati oleh semua warga pendidikan terutama guru-guru di bilik darjah. Peranan dan komitmen guru amat diperlukan dan malah tugas menjadi sangat mencabar dengan keperluan pembelajaran Abad ke-21. Encik Raisin Saidin.*

Guru yang berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran

menjadi sandaran Kementerian Pendidikan untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti diharat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.

Sesuai dengan tema bulanan pada perhimpunan ini iaitu Memartabatkan Roh PdPc Abad ke 21, Cikgu Nazrin Ismail dari SMK Labuan telah dianugerahkan Guru Tauladan bagi amalan PdPc abad ke 21 bagi bulan Februari 2017.

Antara inovasi beliau yang pernah memenangi anugerah adalah inovasi Alat Bantu Mengajar *i-Line Board* yang membantu murid meningkatkan kemahiran menghasilkan pelbagai garisan dalam tajuk lukisan teknik.

Anugerah ini diberikan kepada guru yang banyak menyumbang bakti dalam amalan PdPc abad ke 21 di dalam bilik darjah seterusnya menggalakkan semua guru untuk mempelbagaikan kaedah PdPc yang pada masa ini lebih berkonsepkan pembimbing dan pemudah cara kepada murid berdasarkan amalan PdPc abad ke 21.

Encik Raisin juga mengingatkan pegawai jabatan dan pentadbir sekolah sentiasa membangunkan strategi, kerja berpasukan, mengambil tindakan *follow up and follow through* bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

Perhimpunan bulanan bagi bulan Februari ini diserikan lagi dengan majlis penyampaian sijil anugerah kecemerlangan kepada pihak sekolah, *staff of the month* dan meraikan sambutan hari lahir kepada kakitangan jabatan serta sekolah yang lahir pada bulan Februari.